

SOALAN NO. 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

SOALAN :

YB Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan dalam memperluaskan pembukaan Pusat PERMATA NEGARA dengan lebih banyak di seluruh Malaysia dan tidak hanya tertumpu di Lembah Klang agar lebih ramai anak-anak Malaysia akan mendapat manfaat daripada program tersebut.

212

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Program PERMATA Negara bertujuan memberi peluang kepada kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun terutama daripada kumpulan B40 di kawasan luar atau pinggir bandar untuk mengikut program asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti dan komprehensif. Program PERMATA Negara telah dilaksanakan pada tahun 2007 dan sehingga kini telah diperluaskan ke hampir 5,156 buah TASKA kelolaan Kerajaan dan swasta di seluruh negara.

Perluasan Program PERMATA Negara dilaksanakan secara kerjasama dengan beberapa agensi lain seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN), Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pendidikan Malaysia, Langkawi Development Authority (LADA), PR1MA, PPA1M dan Johor Petroleum Development Corporation Berhad bagi memastikan pelaksanaannya terus kepada kumpulan sasaran secara lebih menyeluruh ke seluruh negara dan tidak hanya tertumpu di kawasan Lembah Klang sahaja.

Sekian, terima kasih.